

### DS 1.5: Pengawalan Hakisan Pantai

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

**Justifikasi Cadangan:**

- Mengawal hakisan yang telah menyebabkan beberapa struktur binaan musnah, pokok tumbang, risiko kerosakan kepada bangunan berhampiran pantai dan kehilangan *buffer zone* bakau yang sangat serius. Sekaligus mengurangkan impak kepada penduduk tempatan.

**Komponen Cadangan:**

- Kajian Kebolehlaksanaan, Kerja Ukur, Penyiasatan Tapak dan Rekabentuk terperinci.

**Batu Pahat**

- Membina struktur penahanan pemendapan di Kuala Perpat sepanjang 300m di bahagian kiri dan kanan tebing.
- Menggali Kuala Pt. Perpat.

**Mersing**

- Kerja membina struktur penahan hakisan pantai dari jenis *Rock Revetment*.
- Kerja menambah kuantiti pasir *Beach Nourishment*.

**Kaedah Pelaksanaan:**

- Pelaksanaan oleh agensi awam.
- Menjalankan kajian lanjut dan terperinci di lokasi cadangan bagi mengesahkan skop kerja.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **17 kampung**.

Daerah	Kampung Dalam Bandar	Kampung Luar Bandar
Batu Pahat	-	15
Kluang	-	-
Mersing	-	2
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>17</b>


#### AGENSI PELAKSANA

Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> <li>JPKK</li> <li>Pejabat Daerah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>KPLB</li> <li>BPEN</li> <li>JPS</li> </ul>

#### ANGGARAN KOS

- Kos Pembinaan = RM 30,000,000 (Batu Pahat), RM 26,500,000 (Mersing)
- Jumlah Keseluruhan Kos: RM 56,500,000

#### FASA PELAKSANAAN



## Penemuan Strategik


Terdapat tiga kawasan hakisan pantai di kawasan kajian iaitu di Pantai Pulau Besar, Pantai Pulau Sibul di Mersing dan Pantai Benteng Luar Jambi ke Kuala Pt. Perpat di Batu Pahat. Hakisan yang berlaku telah menyebabkan beberapa struktur binaan musnah, pokok tumbang, risiko kerosakan kepada bangunan berhampiran pantai dan kehilangan *buffer zone* bakau yang sangat serius.

Kesan daripada hakisan pantai juga telah memberi impak kepada penduduk tempatan. Jabatan Pengairan Dan Saliran sedang mengambil tindakan penyelesaian bagi kawasan yang terlibat.

Selain itu, dicadangkan satu kajian lanjutan bagi mengkaji keperluan projek Pengawalan Hakisan Pantai melibatkan keseluruhan kawasan pulau termasuklah pulau Pemanggil, Air papan, Penyabong dan Tanjong Resang.


Sebanyak 15 kampung di Batu Pahat dan dua kampung di Mersing yang terlibat. Rajah 5.6 menunjukkan kedudukan dan cadangan projek pengawalan hakisan pantai dalam kawasan kajian.

Rajah 5.6: Cadangan Projek Pengawalan Hakisan Pantai, Johor Tengah



Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran, Johor

Rajah 5.7: Kawasan Desa Terlibat Dengan Hakisan Pantai – Batu Pahat



Sumber: i. Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 2: Johor Tengah), 2020  
 ii. Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara 2

**PETUNJUK:**

- Taburan Kampung
- Sempadan Daerah
- Jalan Raya
- Lebuhraya
- Laluan Kereta Api
- Laut
- Kampung Terlibat

**Kategori Hakisan:**

- Boleh Diterima
- Ketara

**Kampung-Kampung Terlibat:**

- |                              |                             |
|------------------------------|-----------------------------|
| 1. Kg. Sungai Bagan Laut     | 10. Kg. Sungai Kluang Laut  |
| 2. Kg. Parit Daeng Machening | 11. Kg. Parit Jalal         |
| 3. Kg. Parit Hj. Sirat       | 12. Kg. Kuala Sungai Rengit |
| 4. Kg. Sungai Merlong Tengah | 13. Kg. Parit Sarpan        |
| 5. Kg. Sungai Merlong Laut   | 14. Kg. Parit Masjid        |
| 6. Kg. Belahan Tampok Laut   |                             |
| 7. Kg. Parit Wak Kawik       |                             |
| 8. Kg. Sungai Kluang Tengah  |                             |
| 9. Kg. Sungai Jambi Laut     |                             |
| 10. Kg. Sungai Rengit Laut   |                             |